- 2.1. Semua kakitangan dan Wakil Pihak Ketiga Kumpulan IMUH termasuk anak-anak syarikatnya, syarikat-syarikat berkaitan atau mana-mana sekutunya adalah tertakluk kepada Polisi ini dan mana-mana polisi, standard, garis panduan, prosedur dan mekanisme lain yang berkaitan dengan pencegahan rasuah dan pelanggaran korupsi.**
- 2.2. Ia juga bertujuan untuk dilaksanakan ke atas setiap pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif) untuk syarikat Kumpulan IMUH, kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam Polisi ABC ini.
- 2.3. Syarikat usaha sama dalam mana Kumpulan IMUH ialah pengusaha niaga bersama tanpa kawalan (non-controlling co-venturer) dan syarikat-syarikat bersekutu hendaklah melaksanakan prinsip dan standard yang sama.
- 2.4. Polisi ABC ini boleh diakses dari laman web korporat Kumpulan IMUH di <https://www.imu.edu.my/imu/corporate-governance/>
- 2.5. Sila ambil perhatian bahawa Polisi ABC tidak menggantikan mana-mana undang-undang anti-korupsi di semua negara di mana Kumpulan IMUH beroperasi.
- 2.6. Sekiranya undang-undang bercanggah dengan peruntukan yang ditetapkan di dalam Polisi ABC ini, sila patuhi undang-undang dan merujuk kepada kakitangan Perundangan yang berkaitan dan Ketua Pegawai Sumber Manusia daripada mengabaikan Polisi ABC sepenuhnya. Bagaimanapun, jika praktis tempatan atau polisi tempatan bercanggah dengan Polisi ABC ini, pematuhan kepada Polisi ABC diberi keutamaan.

3. Polisi

3.1 Ikrar Integriti Korporat

- 3.1.1 Ikrar Integriti Korporat menyatakan prinsip-prinsip utama untuk syarikat-syarikat amalkan dan menunjukkan komitmen mencipta persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah.
- 3.1.2 Kumpulan IMUH komited dalam menegakkan lima Prinsip Anti Korupsi semasa menjalankan operasi perniagaan di semua kawasan:
 - a) Komitmen untuk menggalakkan nilai-nilai integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus korporat yang baik.
 - b) Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah.
 - c) Mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan memerangi rasuah.
 - d) Memerangi sebarang bentuk amalan korup.
 - e) Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan di negara-negara di mana Kumpulan IMUH beroperasi.

	No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
	Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)			

3.2 Struktur Tadbir Urus ABC

- 3.2.1 Lembaga IMUH secara kolektif bertanggungjawab menetapkan perlakuan dan tingkah laku yang betul bagi ahli-ahli Lembaga, Pengurusan Kanan dan kakitangan di peringkat kumpulan, anak-syarikat, negara dan operasi.
- 3.2.2 Ketua Pegawai Sumber Manusia bertanggungjawab atas pembangunan, pelaksanaan, penyelarasan dan pelaporan secara keseluruhan berkaitan dengan Anti-Rasuah dan Korupsi untuk Kumpulan IMUH dengan kerjasama CEO anak-anak syarikat.

3.3 Tugas-tugas Kakitangan

- 3.3.1 **Setiap kakitangan hendaklah mematuhi Polisi ABC dan mana-mana polisi atau prosedur lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa dalam kerja harian dan pertanggungjawaban/kegiatan perniagaan mereka.**
- 3.3.2 **Melibatkan diri dalam kegiatan rasuah dan korup boleh mendatangkan kesan yang teruk kepada kakitangan dan juga Kumpulan IMUH. Kakitangan akan berhadapan dengan pemecatan, saman sivil dan undang-undang, denda, penjara, dan Kumpulan IMUH mungkin menghadapi kerosakan reputasi, kerugian kewangan dan pemberhentian/penamatan perniagaan dan lain-lain akibat yang negatif.**
- 3.3.3 Setiap kakitangan dikehendaki melaporkan sebarang kejadian rasuah atau korupsi yang disyaki atau disahkan kepada penyelia masing-masing dan Sumber Manusia.

3.4 Jangkaan Terhadap Wakil Pihak Ketiga

- 3.4.1 Urusan Kumpulan IMUH dengan Wakil Pihak Ketiga hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan selaras dengan nilai dan prinsip Tatakelakuan IMUH.
- 3.4.2 Kumpulan IMUH menghendaki semua Wakil Pihak Ketiga untuk melaksanakan dan berkongsi nilai dan standard etika Kumpulan kerana sebarang tindakan mereka boleh membabitkan Kumpulan IMUH di sisi undang-undang dan mencemarkan reputasi Kumpulan IMUH.
- 3.4.3 Di mana perlu, Wakil Pihak Ketiga hendaklah tertakluk kepada proses usaha selidik berasaskan risiko untuk menilai integriti dan keupayaan mereka untuk mematuhi Polisi ABC dan obligasi yang berkaitan yang telah dipersetujui oleh Wakil Pihak Ketiga dalam perjanjian kontrak dengan Kumpulan IMUH.
- 3.4.4 Kumpulan IMUH berhak mendapatkan maklumat dan dokumentasi daripada Wakil Pihak Ketiga untuk menilai pematuhan dengan Polisi ABC.
- 3.4.5 Hubungan/perkhidmatan yang sedang berjalan tertakluk kepada penilaian berkala bagi memastikan standard telah dikekalkan, termasuk memberi respons terhadap apa-apa perubahan dalam kelakuan, reputasi atau risiko

	No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
	Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)			

yang berkaitan dengan pihak ketiga yang tertentu.

3.4.6 Kumpulan IMUH akan menamatkan mana-mana perundingan, tender, pesanan belian atau kontrak yang belum selesai dengan mana-mana Wakil Pihak Ketiga yang disyaki dan/atau tidak mematuhi standard yang dikemukakan di dalam Polisi ABC. Kumpulan IMUH tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jenayah, tindakan atau kesan-kesan yang timbul atau disebabkan oleh transaksi yang dibatalkan.

3.4.7 Selaras dengan Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan IMUH, sekiranya terdapat sebarang kejadian rasuah atau korupsi yang disyaki atau disahkan, Wakil Pihak Ketiga hendaklah menulis dengan serta-merta kepada Ketua Pegawai Sumber Manusia IMUE (franciswen@imu.edu.my) atau Presiden IMUH/ Naib Canselor & CEO IMUE (AbdulAzizBaba@imu.edu.my) di International Medical University, No. 126 Jalan Jalil Perkasa 19, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur. Nama mereka, nombor telefon dan butiran perkara ini perlu disertakan untuk tindakan susulan.

3.5 Keperluan Am untuk Mencegah Rasuah, Korupsi dan Bayaran Tidak Wajar Dalam Apa Jua Bentuk

3.5.1 Kakitangan dan Wakil Pihak Ketiga hendaklah tidak secara langsung atau tidak langsung membuat, berjanji, melulus, membenar atau menawar untuk memberi kepada sesiapa – atau menerima atau meminta daripada sesiapa – apa sahaja yang bernilai (termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran tunai) jika tujuan atau kesannya adalah untuk mendorong penerima secara tidak wajar untuk mengambil (atau menahan diri daripada mengambil) tindakan yang akan memberi manfaat komersial atau kelebihan perniagaan ke atas Kumpulan atau mana-mana pihak lain. Manfaat kewangan atau kelebihan lain meliputi apa sahaja yang bernilai, termasuk wang tunai, hadiah, perkhidmatan, tawaran pekerjaan, pinjaman, perbelanjaan perjalanan, hiburan, dan keraian. Penggunaan dana peribadi untuk rasuah, korupsi atau bayaran yang tidak wajar tidak membatalkan polisi ini.

3.5.2 Memberi barang yang bernilai kepada ahli keluarga, rakan rapat atau organisasi terpilih atau dengan sesiapa yang kita berniaga, dengan sesiapa kita ingin berniaga, atau pegawai awam (kerajaan) juga tertakluk kepada Polisi ABC, kerana tindakan sedemikian mungkin akan ditafsirkan sebagai usaha untuk mengelakkan peraturan-peraturan ini atau sebaliknya mempengaruhi kelakuan pihak ketiga.

3.5.3 Untuk penghuraian lebih lanjut mengenai jenis rasuah, sila rujuk kepada Lampiran 2.

	No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
	Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)			

3.6 Transaksi yang Dilarang

- 3.6.1 Kumpulan IMUH melarang semua bayaran pemudahan kerana ia adalah rasuah. Bayaran pemudahan adalah tidak rasmi, tidak wajar dan pemindahan nilai kecil yang ditawarkan atau dibuat untuk menjamin atau mempercepat rutin atau tindakan yang perlu di mana Kumpulan IMUH di sisi undang-undang berhak kepada atau bayaran yang diakui boleh mempercepatkan proses.
- 3.6.2 Sebarang sumbangan amal termasuk penajaan sebagai sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat hendaklah dibuat selaras dengan polisi dan prosedur negara/kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan ABC tempatan dan/atau negara asing.
- 3.6.3 Kumpulan IMUH tidak membenarkan sebarang sumbangan dalam kedua-dua bentuk kewangan dan bukan kewangan, kepada atau daripada mana-mana parti politik.

3.7 Langkah-langkah Kawalan

- 3.7.1 Semua kontrak dengan Wakil Pihak Ketiga hendaklah menyatakan fasal-fasal Anti Rasuah dan Korupsi seperti di dalam Lampiran 3. Ini adalah tertakluk kepada kelulusan Perundangan, fasal-fasal ABC boleh disesuaikan mengikut keperluan, undang-undang dan peraturan tempatan.
- 3.7.2 Polisi ABC akan disemak setiap tahun atau sebagaimana dan apabila diperlukan.
- 3.7.3 Setiap negara hendaklah melaksanakan penilaian risiko korupsi setiap tahun dengan kerjasama Ketua Pegawai Sumber Manusia.

3.8 Keperluan Latihan dan Kesedaran

- 3.8.1 Kakitangan akan menerima latihan pematuhan anti-rasuah dan korupsi untuk mendidik mereka mengenai keperluan dan obligasi undang-undang anti-korupsi dan Polisi ABC, setara dengan kedudukan dan tugas masing-masing di dalam Kumpulan IMUH, dan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Sumber Manusia.
- 3.8.2 Rekod latihan mengenai kehadiran/penamatan latihan hendaklah disimpan oleh Sumber Manusia untuk mengesahkan bahawa semua Kakitangan menerima latihan yang perlu dalam menjalankan tanggungjawab mereka dengan tepat dan konsisten.

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)		

3.8.3 Polisi ABC hendaklah disediakan untuk semua kakitangan dan Wakil Pihak Ketiga. Semua kakitangan dan Wakil Pihak Ketiga perlu menyediakan pensijilan di dalam templat yang disediakan di dalam Lampiran 4. Secara alternatif, Wakil Pihak Ketiga hendaklah mengakui penerimaan dan pematuhan kepada polisi ABC sebagai sebahagian daripada penyerahan tender/sebut harga mereka.

3.8.4 Kakitangan perlu menyediakan pensijilan sedemikian apabila menyertai Kumpulan IMUH, selepas sebarang pengemaskinian yang dilakukan ke atas Polisi dan sebagai sebahagian daripada Pengakuan Tahunan Kakitangan.

3.8.5 Wakil Pihak Ketiga perlu menyediakan pensijilan sedemikian sebelum melaksanakan perkhidmatan untuk dan bagi pihak Kumpulan IMUH, dan atas permintaan Kumpulan IMUH dan pensijilan tersebut hendaklah disimpan oleh Jabatan Permohonan masing-masing. Pangkalan data ini akan dikongsi dengan Kumpulan Perolehan dan / atau Ketua Perolehan.

3.9 Penyimpanan Rekod

3.9.1 Adalah penting bagi Kumpulan IMUH untuk menyimpan rekod yang lengkap dan tepat bagi semua urusan kewangan Kumpulan IMUH termasuk pemberian dan penerimaan bayaran dan hadiah pada setiap masa selari dengan polisi dan/atau prosedur berkaitan hadiah dan hiburan yang berkenaan. Ketelusan adalah penting dan sebarang rekod palsu atau mengelirukan mungkin boleh memberi kesan yang amat memudaratkan kepada Kumpulan IMUH.

3.10 Kajian Semula Sistemik

3.10.1 Kajian semula sistemik hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Sumber Manusia dengan kerjasama CEO/Ketua Unit Perniagaan dan/atau CEO anak-anak syarikat sebagai sebahagian daripada menyediakan jaminan bahawa wujud pengurusan risiko anti-rasuah dan korupsi yang berkesan dan kukuh yang dilaksanakan di dalam Kumpulan IMUH pada setiap tahun.

3.10.1 Setiap 3 tahun, kajian semula yang berpenerangan dan bebas mungkin akan dipertimbangkan untuk memastikan operasi perniagaan Kumpulan IMUH mematuhi keperluan pihak berkuasa/pengawalseliaan tempatan/negara asing mengenai anti rasuah dan korupsi.

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)		

4. Garis Panduan

4.1 Pengurusan Risiko Pihak Ketiga

- 4.1.1. Kumpulan IMUH secara amnya harus mengelak daripada berurusan dengan mana-mana pihak ketiga yang diketahui atau disyaki melakukan kegiatan rasuah atau diketahui atau disyaki membayar rasuah.
- 4.1.2. CEO/Ketua Unit Perniagaan dan Ketua Fungsi yang bertanggungjawab mengambil khidmat pihak ketiga untuk Kumpulan IMUH hendaklah bertanggungjawab menguruskan risiko rasuah dan korupsi.
- 4.1.3. Bagi membantu memastikan Kumpulan hanya menjalankan perniagaan dengan pihak ketiga yang berkongsi standard integriti Kumpulan IMUH, kakitangan seharusnya melakukan yang berikut:
 - a) Menjalankan usaha selidik berasaskan risiko untuk menilai integriti bakal pihak lagi satu dalam perniagaan. Tahap usaha selidik seharusnya setara dengan tahap risiko rasuah dan korupsi yang dibangkitkan oleh pihak ketiga.
 - b) Sekiranya pada bila-bila masa semasa usaha selidik sedang dijalankan atau dalam urusan dengan pihak ketiga, terdapat konflik kepentingan atau sebarang tanda-tanda amaran awal, ini memerlukan siasatan lanjut dan mesti ditangani secara memuaskan sebelum penglibatan dengan pihak ketiga boleh diteruskan.
 - c) Usaha selidik seharusnya dibuat dengan merujuk Indeks Persepsi Korupsi.
 - d) Memastikan dan mendokumentasikan sebab perniagaan untuk melibatkan pihak ketiga, proses pemilihan, semakan rujukan, dan penyelesaian sebarang konflik kepentingan atau sebarang tanda-tanda amaran awal. Sebarang konflik kepentingan akan ditangani mengikut Polisi Tatakelakuan IMUH.
 - e) Berkomunikasi kesedaran kepada semua pihak ketiga mengenai Tatakelakuan IMUH, Polisi ABC dan apa yang diharapkan oleh Kumpulan IMUH daripada mereka.
 - f) Dimasukkan ke dalam semua kontrak komersial dan jemputan sebut harga/tender peruntukan yang berkaitan dengan kelakuan perniagaan, konflik kepentingan, pencegahan rasuah dan amalan tidak beretika, dan di mana perlu, hak untuk mengaudit pematuhan pihak ketiga dengan Polisi ABC.
 - g) Menggunakan pertimbangan yang baik dan kecerdikan akal dalam menilai dan memantau integriti dan etika perniagaan pihak ketiga.
 - h) Jika ada keraguan, sila dapatkan nasihat daripada Pegawai Perundangan dan Ketua Pegawai Sumber Manusia.
- 4.1.4. Contoh tanda- tanda amaran awal yang melibatkan pihak ketiga:
 - a) Transaksi atau pihak tersebut berada di dalam negara yang dikenali dengan kegiatan rasuah yang meluas, bidang kuasa jenayah yang tinggi dan/atau diklasifikasikan sebagai negara yang dikenakan sekatan.
 - b) Keluarga, perniagaan atau lain-lain ikatan “istimewa” dengan mana-mana

TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)
----------------------	--

- kakitangan Kumpulan IMUH, pegawai kerajaan atau awam.
- c) Permintaan untuk ketanpanamaan atau menegaskan agar identiti kekal sulit atau perhubungan kekal sulit.
 - d) Pihak yang tidak mempunyai program pematuhan atau tatakelakuan yang lengkap atau enggan melaksanakannya.
 - e) Kegagalan dalam bekerjasama dengan penilaian usaha selidik atau keengganan menjawab soalan atau membuat representasi dan waranti.
 - f) Bantahan terhadap representasi dan waranti dalam perjanjian komersial atau memberi respons negatif kepada keperluan Polisi ABC.
 - g) Pengaturan bayaran yang berbelit-belit seperti bayaran dalam bentuk tunai, bayaran kepada pihak ketiga atau kepada akaun di negara lain atau permintaan bayaran pendahuluan untuk perbelanjaan atau yuran-yuran lain.
 - h) Semakan rujukan mendedahkan reputasi perniagaan yang buruk kerana kelakuan tidak beretika, termasuk laporan mengenai kelakuan mencurigakan, tidak beretika, atau menyalahi undang-undang pihak tersebut, sub-ejen atau kakitangannya.

Nota: Contoh di atas tidak menyeluruh dan dengan sendirinya tidak membentuk atau menandakan pelanggaran undang-undang anti korupsi berkaitan. Sekiranya terdapat keraguan, sila rujuk kepada Pegawai Perundangan dan Ketua Pegawai Sumber Manusia.

4.2 Pembayaran di bawah Dures atau Pemasaran

- 4.2.1 Keselamatan kakitangan, begitu juga pihak ketiga, menjadi keutamaan.
- 4.2.2 Dalam keadaan yang jarang berlaku di mana sekiranya berlaku tuntutan rasuah atau pemasaran, wujudnya ancaman kepada keselamatan kakitangan atau demi keselamatan orang lain, maka kakitangan dibenarkan membuat atau menawar untuk membuat pembayaran tersebut.
- 4.2.3 Ini dipanggil pembayaran yang dibuat di bawah dures (paksaan/tekanan) dan mungkin boleh dipertahankan dari segi undang-undang. Pembayaran sedemikian memerlukan dokumentasi dan tindakan susulan bagi mengelakkannya daripada berulang. Mana-mana kejadian di mana pembayaran sedemikian diulang, menjadi sistemik atau diterima sebagai sebahagian daripada cara menjalankan perniagaan bukanlah pembayaran yang dibuat di bawah dures dan adalah tidak dibenarkan.

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)		

5. Rujukan

Garis Panduan Mengenai Prosedur Lengkap Mengikut Subseksyen (5) bagi Seksyen 17a di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Dikeluarkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)

Buku Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Langkah-langkah Anti-Rasuah Praktikal untuk Pendakwa dan Penyiasat

5.1 Undang-undang dan Peraturan

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Malaysia)
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Malaysia)
- Akta Perlindungan Saksi 2009 (Malaysia)
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017
- Kod Etika Perniagaan Malaysia
- Bribery Act 2010 (UK)
- Foreign Corrupt Practices Act 1977 (US)
- Prevention of Corruption Act (Chapter 241) (Singapore)
- Prevention of Corruption Act 1988 (India)
- Criminal Law of the People's Republic of China (China)
 - Nota: Merasuah pegawai awam dan pegawai awam asing
- Anti-Unfair Competition Law of the People's Republic of China (China)
 - Nota: Rasuah peribadi
- Prevention of Bribery Ordinance (Cap 201) (Hong Kong)
- Turkish Criminal Code No. 5237 (Turkey)
- Law on Declaration of Property and Combating Bribery and Corruption No. 3628 (Turkey)

5.2 Dokumen IMUH

- Polisi Tatakelakuan IMUH sebagaimana yang terkandung di dalam Buku Panduan Kakitangan
- Polisi Pemberian Maklumat IMUH
- Polisi Hadiah & Keraian IMUH

5.3 Definisi

- IMUH IMU Health Sdn Bhd dan syarikat-syarikat berkaitan atau mana-mana sekutunya
- ABC Anti-Rasuah dan Korupsi
- MACCA Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

6. Lampiran

- Lampiran 1: Perundangan Berdaftar
- Lampiran 2: Jenis Rasuah
- Lampiran 3: Templat Fasal Kontrak Anti-Rasuah dan Korupsi
- Lampiran 4: Templat Perakuan Kakitangan / Wakil Pihak Ketiga

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		

TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)
----------------------	--

Lampiran 1: Perundangan Berdaftar

Keterangan Langsung

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Malaysia)
- Prevention of Corruption Act (Chapter 241) (Singapore)
- Prevention of Corruption Act 1988 (India)
- Criminal Law of the People's Republic of China (China)
 - Nota: Merasuah pegawai awam dan pegawai awam asing
- Anti-Unfair Competition Law of the People's Republic of China (China)
 - Nota: Rasuah peribadi
- Prevention of Bribery Ordinance (Cap 201) (Hong Kong)
- Turkish Criminal Code No. 5237 (Turkey)
- Law on Declaration of Property and Combating Bribery and Corruption No. 3628 (Turkey)

Lain-lain

- Bribery Act 2010 (UK)
- Foreign Corrupt Practices Act 1977 (US)

Lampiran 2: Jenis Rasuah

Buku Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Langkah-langkah Anti-Rasuah Praktikal untuk Pendakwa dan Penyiasat menyenaraikan bentuk rasuah yang lebih biasa dijumpai, termasuk:

- **Korupsi Kecil**
Juga dikenali sebagai rasuah pentadbiran, ia melibatkan pertukaran jumlah wang yang sangat kecil dan memberi pertolongan kecil.
- **Korupsi Besar**
Berlaku di peringkat atasan dalam kerajaan, membawa kepada penyalahgunaan kuasa yang besar, keingkaran kedaulatan undang-undang, ketakstabilan ekonomi dan kegagalan tadbir urus yang baik.
- **Rasuah Aktif dan Pasif**
Yang pertama merujuk kepada tindakan menawarkan atau memberi rasuah (di mana pembayaran rasuah telah berlaku) dan yang kedua merujuk kepada permintaan atau penerimaan rasuah (rasuah telah ditawarkan tetapi tidak diterima).
- **Rasuah**
Bentuk rasuah yang paling biasa, digambarkan sebagai tindakan memberikan satu-satu faedah bagi mempengaruhi suatu tindakan atau keputusan. Ia datang dalam bentuk wang tunai, saham syarikat, maklumat dalaman, layanan seks atau pemberian lain, hiburan, pekerjaan atau manfaat masa depan seperti pekerjaan persaraan. Manfaat tersebut boleh diberikan secara langsung kepada orang yang dirasuah, atau secara tidak langsung kepada pihak ketiga seperti kawan, saudara, sekutu, pertubuhan amal pilihan, perniagaan persendirian, parti politik atau kempen pilihan raya. Sebaik sahaja rasuah berlaku, ia akan membawa kepada rasuah dalam bentuk lain.
- **Penggelapan, Pencurian dan Penipuan**
Melibatkan individu yang mencuri dengan mengeksploitasi kedudukan pekerjaannya. Penipuan melibatkan penggunaan maklumat palsu atau mengelirukan yang menyebabkan pemilik harta berpisah dengan harta tersebut secara suka rela. Pencurian secara universal jatuh dalam tafsiran rasuah apabila ia berlaku, membawa bersamanya seperti yang berlaku, pelanggaran tugas-tugas fidusiar.
- **Pemerasan**
Berdasarkan paksaan bagi mendapatkan kerjasama, seperti ancaman keganasan atau pendedahan maklumat sensitif.
- **Penyalahgunaan Fungsi**
Pelaksanaan atau kegagalan melaksanakan tindakan oleh pegawai awam, yang melanggar undang-undang, bagi mendapatkan kelebihan yang tidak wajar untuk diri sendiri atau untuk orang atau entiti lain.

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		

TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)
----------------------	--

- **Pilih Kasih dan Nepotisme**
Melibatkan penyalahgunaan budi bicara, yang selalunya tidak melibatkan manfaat peribadi secara langsung kepada pegawai tetapi mempromosikan kepentingan mereka yang mempunyai kaitan dengan pegawai tersebut, sama ada melalui keluarga, parti politik, suku atau kumpulan agama.
- **Mencipta dan Mengeksploitasi Kepentingan yang Bercanggah**
Kebanyakan daripada bentuk rasuah melibatkan penciptaan atau eksploitasi konflik di antara tanggungjawab profesional individu atau kepentingan peribadinya. Penawaran rasuah mencipta konflik sepertinya yang tidak akan wujud sebelum ini. Dalam kedua-dua sektor awam dan swasta, kakitangan dan pegawai secara rutin berhadapan dengan keadaan di mana kepentingan peribadi mereka bercanggah dengan tanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan negara atau majikan mereka. Organisasi yang diuruskan dengan baik mempunyai sistem untuk menguruskan keadaan ini, yang selalunya berdasarkan tatakelakuan yang jelas.
- **Sumbangan Politik Tidak Wajar**
Derma yang dibuat dengan niat atau harapan bahawa parti akan, sebaik sahaja memegang kuasa, secara tidak wajarnya melebihkan kepentingan penderma, adalah sama macam membayar rasuah.

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)		

Lampiran 3: Templat Fasal Kontrak Anti-Rasuah dan Korupsi

ADENDUM ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

Adendum ini (**‘Adendum’**) menjadi sebahagian, dan dilampirkan pada [*masukkan bentuk yang ditentukan kontrak berkenaan*], bertarikh _____ (**‘Tarikh Kuat Kuasa’**) [*Catatan untuk membuat deraf. ‘Tarikh Kuat Kuasa’ seharusnya sama dengan tarikh kuat kuasa kontrak berkaitan yang pada masa ini adalah adendum*].

1. **Definisi.** Untuk tujuan tafsiran Adendum ini, terma yang ditentukan seperti berikut akan dikenakan:

“Sekutu” bermakna mana-mana entiti yang mengawal, atau dikawal oleh, atau berada di bawah kawalan bersama, dalam setiap kes sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan sama ada [IMUH] atau [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan], di mana “kuasa” bermakna pemilikan, atau kuasa untuk mengundi, lebih daripada 50% daripada saham mengundi, syer atau kepentingan entiti. Entiti yang sebaliknya layak di bawah definisi ini disertakan di dalam makna “Sekutu” walaupun ia layak selepas Tarikh Kuat Kuasa.

“Perjanjian” bermakna peruntukan [*masukkan bentuk yang ditentukan bagi kontrak berkenaan*] Perjanjian ini bertarikh _____, bersama-sama dengan lampiran dan lain-lain ekshibit yang dilampirkan padanya atau digabungkan oleh rujukan di dalamnya, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

“Perundangan Berkaitan” bermakna, undang-undang negara, undang-undang negeri dan persekutuan, mana-mana Arahan Kesatuan Eropah, peraturan, Perintah Presiden, panduan kawal selia, keperluan kawal selia dan apa-apa bentuk undang-undang kecil, ketetapan, garis panduan polisi, konsesi atau undang-undang kes dari semasa ke semasa yang terpakai kepada [IMUH], Sekutu [IMUH], [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] atau Sekutu [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] (sebagai penyedia perkhidmatan kepada [IMUH] atau Sekutu [IMUH]) atau [Perkhidmatan] [*Catatan untuk membuat deraf. Sesuaikan rujukan kepada ‘Perkhidmatan’ berdasarkan sifat kontrak dan terma yang digunakan di dalam.*], termasuk (i) apa-apa rasuah, penipuan, sogokan, atau lain-lain undang-undang atau peraturan anti korupsi yang sama bagi mana-mana negara yang berkenaan termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Prevention of Corruption Act 1988, UK Bribery Act 2010 dan US Foreign Corrupt Practices Act 1977, dalam setiap kes apa-apa pindaan yang berhubung dengan apa yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, (iii) undang-undang atau peraturan yang menangani tindakan atau amalan tidak adil, penipuan atau kecaman, (iv) undang-undang atau peraturan menangani pengubahan wang haram dan (v) undang-undang atau peraturan berkaitan dengan sekatan ekonomi.

“Orang Berkaitan” bermakna berhubung dengan mana-mana entiti, orang yang (dengan merujuk kepada semua keadaan yang berkaitan) melaksanakan perkhidmatan untuk dan bagi pihak entiti tersebut dalam apa-apa tugas; contohnya, kakitangan, ejen, subsidiari, wakil dan subkontraktor.

TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)
----------------------	--

“**Kerugian**” termasuk semua kerugian, tuntutan, liabiliti, tanggungan, denda, belanja, royalti, litigasi, ketidakcukupan, kos, dan ganti rugi (sama ada ekonomi, penuh, terakru, bersyarat atau sebaliknya dan sama ada atau tidak hasil daripada tuntutan pihak ketiga), termasuk faedah dan penalti berkenaan dengannya dan belanja tunai langsung, termasuk yuran dan pembayaran peguam dan akauntan yang munasabah.

“**Kakitangan**” bermakna pengarah, pegawai, rakan kongsi (seperti yang berkenaan), kakitangan, pekerja bukan kakitangan, ejen, auditor dan perunding satu-satu pihak atau sekutunya. Sebagai tambahan, Kakitangan termasuk pengarah, pegawai, kakitangan, pekerja bukan kakitangan, ejen, perunding atau subkontraktor yang digunakan oleh [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] atau Sekutu [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] secara langsung atau tidak langsung, [untuk menyediakan apa-apa [Perkhidmatan] ***[Catatan untuk membuat deraf. Sesuaikan rujukan kepada ‘Perkhidmatan’ berdasarkan sifat kontrak dan terma yang digunakan di dalam.]***

“**Pegawai Awam**” bermakna mana-mana orang yang memegang apa-apa jenis kedudukan (dilantik atau dipilih) legislatif, pentadbiran, kehakiman, eksekutif atau tentera sebuah negara, wilayah atau subbahagian daripadanya, atau menjalankan tugas awam untuk negara atau wilayah tersebut atau subbahagian daripadanya (atau untuk agensi awam atau syarikat awam), termasuk: mana-mana pegawai atau kakitangan kerajaan (termasuk pegawai, kakitangan dan ejen entiti atau organisasi awam antarabangsa milik kerajaan atau yang dikawal kerajaan), mana-mana orang yang bertindak dalam tugas rasminya untuk dan bagi pihak mana-mana entiti kerajaan, atau mana-mana parti politik, pegawai parti, atau calon untuk jawatan awam.

2. **Anti-rasuah, Urusan Peribadi dan Tanpa Subordinasi.** [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] mewakili, menjamin untuk dan bagi pihaknya, Sekutunya, Kakitangan dan Orang Berkaitan:

(a) Baik [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] mahupun mana-mana Sekutunya, Kakitangan atau Orang Berkaitan, telah membuat atau menawar untuk membuat (atau akan membuat atau menawar untuk membuat), secara langsung atau tidak langsung, apa-apa pembayaran yang menyalahi undang-undang kepada atau telah memberikan atau menawar untuk memberi (atau akan memberi atau menawarkan untuk memberi), secara langsung atau tidak langsung, apa-apa manfaat ke atas mana-mana orang (termasuk mana-mana Pegawai Awam) yang menyalahi mana-mana Undang-undang yang berkaitan dengan anti-rasuah;

(b) [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] tidak akan (dan tidak pernah), dan akan mengusahakan agar Sekutu, Kakitangan atau Orang Berkaitan tidak akan (berkaitan dengan Perjanjian ini):

(i) membuat, memberi atau menawarkan apa-apa kelebihan kewangan atau yang lain kepada mana-mana orang untuk tujuan: (1) mendapatkan apa-apa kelebihan yang tidak betul; mendorong penerima atau orang lain untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa tindakan yang melanggar tugas atau tanggungjawab (atau untuk tujuan mengganjarkan kelakuan sedemikian); (2) mempengaruhi apa-apa tindakan atau keputusan Pegawai Awam;

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		

TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)
----------------------	--

- atau (3) sebaliknya mempengaruhi kelakuan mana-mana orang dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan subjek Perjanjian ini;
- (ii) membuat, memberi atau menawarkan apa-apa kelebihan kewangan atau yang lain kepada mana-mana orang di mana penerimaan kelebihan tujuan itu sendiri membentuk pelanggaran tugas dan tanggungjawab seseorang; atau
 - (iii) Melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan anti-rasuah.
- (c) Tiada kakitangan IMUH atau mana-mana ahli keluarga Kakitangan atau mana-mana ahli keluarga terdekat (mana-mana ahli keluarga yang terdekat (sebagaimana terpakai) telah menerima atau akan menerima, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa yang bernilai daripada Kakitangannya berhubung dengan Perjanjian ini; dan
- (d) [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] akan menjalankan perniagaannya bagi pihak IMUH dengan mematuhi Adendum ini dan dengan kenyataan Program Anti-Rasuah dan Korupsi IMUH [***Catatan untuk membuat deraf. Untuk menyediakan pautan kepada polisi Anti-Rasuah dan Korupsi IMUH***], dan apa-apa dan semua kenyataan, program, polisi dan standard Anti-Rasuah dan Korupsi [IMUH] yang lain yang telah berkuat kuasa atau dikuatkuasakan dan yang telah disediakan atau sebaliknya disediakan untuk [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] (termasuk melalui mana-mana laman web luar [IMUH]).
3. **Pengesahan.** [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah (dalam masa yang munasabah) menyediakan kepada [IMUH] maklumat sedemikian dan pengesahan bertulis selanjutnya yang akan diminta oleh [IMUH] dari semasa ke semasa untuk membantu usaha [IMUH] dalam memastikan pematuhan dengan Undang-undang berkaitan anti-rasuah.
4. **Latihan.** Apabila diminta oleh [IMUH], [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah memulakan latihan pematuhan anti-rasuah dan program laporan yang memenuhi keperluan yang ditetapkan [IMUH]. Selain itu, [IMUH] boleh memberikan kedudukan [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] dan kakitangan mana yang mesti menerima latihan sedemikian.
5. **Penamatan kerana Pelanggaran.** [IMUH] boleh menamatkan Perjanjian dengan serta-merta melalui notis bertulis kepada [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] jika [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] melanggar mana-mana peruntukan Adendum. [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] tidak berhak, juga tidak akan meminta, apa-apa pampasan atas penamatan Perjanjian ini kerana perenggan 5.

No. Rujukan	IMU/POL/CSL/01	No. Edisi	1
Tarikh Kuatkuasa	8 November 2019		
TAJUK DOKUMEN	POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI (“POLISI ABC”)		

6. Ganti Rugi.

- (a) [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] bersetuju untuk menanggung rugi dan melindungi [IMUH] dan Sekutu IMUH dan setiap pengarah, pegawai, pemegang saham, kakitangan, kontraktor dan ejen (“**Pihak Ditanggung Rugi**”) dan bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya Pihak Ditanggung Rugi, serta-merta berikutan tuntutan, terhadap, semua Kerugian yang berkaitan atau timbul daripada atau berkaitan dengan apa-apa tuntutan sebenar atau ugutan, tindakan undang-undang, prosiding, tindakan, litigasi, pendakwaan, pengantaraan, penimbangtaraan atau penyiasatan oleh atau terhadap mana-mana Pihak Ditanggung Rugi (“**Tuntutan**”), yang berkaitan dengan kegagalan [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan], Sekutu [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan], Kakitangan atau Orang Berkaitan [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] atau Orang Berkaitan [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan], atau sesiapa yang bertindak untuk atau atas arahan [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan], untuk mematuhi Adendum ini.
- (b) Pihak Ditanggung Rugi berhak, mengikut budi bicara mutlak mereka, untuk mengambil tindakan yang mereka fikirkan perlu untuk mengelak, mempertikai, menafi, merayu, berkompromi atau menyelesaikan sebarang Tuntutan (termasuk tanpa had, membuat tuntutan atau tuntutan balas terhadap pihak ketiga). [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah memberikan Pihak Ditanggung Rugi dengan rekod, maklumat dan testimoni, dan menghadiri persidangan, prosiding, perbicaraan dan rayuan sebagaimana yang diminta secara sewajarnya oleh Pihak Ditanggung Rugi yang berkaitan dengannya. [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] dengan ini bersetuju dan mengaku tanpa syarat dan tidak boleh ditarik balik bahawa tiada apa di dalam Perjanjian ini menghendaki Pihak Ditanggung Rugi untuk mengambil apa-apa tindakan yang menjejaskan mereka atau yang mungkin merosakkan reputasi IMUH (termasuk Sekutunya dan Orang Berkaitan) sambil membela atau mendakwa Tuntutan, termasuk tanpa had mengaku bersalah atas tuduhan jenayah atau mengakui kesalahan di bawah mana-mana Undang-undang Berkaitan, perjanjian atau instrumen yang mengikat mereka.
- (c) Hak ganti rugi bagi Pihak Ditanggung Rugi di bawah Adendum adalah bebas daripada, dan selain daripada, hak dan remedi lain yang Pihak Ditanggung Rugi mungkin ada pada undang-undang, di bawah Adendum, dalam ekuiti atau sebaliknya, termasuk hak untuk mendapat pelaksanaan tertentu, pembatalan, restitusi atau relief injunksi lain, di mana tiada hak atau remedi yang dengan itu akan terjejas atau menyusut.

7. **Audit dan Rekod.** Semasa tempoh Perjanjian dan untuk jangka masa [enam tahun] selepas penamatan atau tamatnya tempoh, [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah membenarkan [IMUH] dan wakil [IMUH] yang ditentukan untuk mengaudit, menyemak dan menyalin Rekod Adendum (“**Audit**”) semasa waktu perniagaan biasa. [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah menyediakan [IMUH] dengan akses kepada Rekod Adendum untuk menjalankan Audit dalam tempoh 24 jam selepas menerima permintaan [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] daripada [IMUH]. [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah bekerjasama dengan sepenuhnya dan menyediakan bantuan seperti yang diminta secara munasabah oleh [IMUH] berkaitan dengan Audit. Untuk tujuan Adendum ini, “Rekod Adendum” bermakna semua maklumat, termasuk sistem [Pembekal/Penyedia], berkaitan dengan perkara Adendum ini.
8. **Bantuan pasca penamatan.** Semasa tempoh Perjanjian dan untuk jangka masa [enam tahun] selepas penamatan atau tamatnya tempoh, [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah memberi bantuan dan kerjasama yang munasabah kepada [IMUH] dan Sekutu [IMUH] dan wakil yang ditentukan berhubung dengan mana-mana penyiasatan polis, kehakiman atau pengawalseliaan berhubung dengan apa-apa rasuah atau korupsi yang disyaki.
9. **Percanggahan dengan Perjanjian.** Setakat mana peruntukan Adendum bercanggah dengan peruntukan Perjanjian, peruntukan Adendum akan diguna pakai.

[Catatan untuk membuat deraf. Sila masukkan perenggan berikut ke dalam bahagian utama kontrak yang berkenaan.]

Pematuhan dengan Undang-undang berkaitan anti-rasuah. [Pembekal/Penyedia Perkhidmatan] hendaklah mematuhi mana-mana dan semua undang-undang anti-rasuah yang terpakai dan keperluan anti-rasuah [IMUH] yang ditetapkan dikemukakan di dalam Adendum Anti Rasuah dan Anti Korupsi, salinannya dilampirkan sebagai Lampiran [], dan digabungkan di dalam ini dengan rujukan.

Lampiran 4: Templat Perakuan Kakitangan / Wakil Pihak Ketiga

Semua kakitangan dan Wakil Pihak Ketiga* dikehendaki membaca dan memahami Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi (“ABC”) IMUH kami. Anda dikehendaki untuk mengakui bahawa anda telah melakukannya dan hendaklah mematuhi syarat-syarat anti-rasuah dan korupsi.

** Wakil Pihak Ketiga ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak Kumpulan IMUH*

Sekiranya anda tidak pasti tentang apa yang membentuk ketidakpatuhan kepada Polisi ABC IMUH atau mana-mana undang-undang anti rasuah dan anti korupsi yang berkaitan, sila rujuk kepada HR Rakan Kongsi Perniagaan (HR Business Partner)/Jabatan Pemohon **, atau Pegawai Perundangan dan Ketua Pegawai Sumber Manusia.

*** Jabatan yang bertanggungjawab menggunakan khidmat pihak ketiga untuk Kumpulan IMUH*

PENGESAHAN

Sila tandakan kotak yang sesuai di bawah:

- Saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi (“ABC”) IMUH.
- Saya mengesahkan bahawa saya akan mematuhi Polisi ABC IMUH sepanjang pekerjaan saya dan/atau hubungan/perkhidmatan dengan Kumpulan IMUH.
- Saya mengesahkan bahawa saya akan melaporkan sebarang pelanggaran Polisi ABC IMUH atau undang-undang anti korupsi yang diketahui atau disyaki kepada Kumpulan IMUH.
- Saya mengesahkan bahawa saya memahami bahawa pelanggaran Polisi ABC IMUH merupakan kesalahan disiplin yang boleh mengakibatkan tindakan-tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan. *(Untuk Kakitangan sahaja)*

Dengan menandatangani di bawah, anda mengakui penerimaan dan kepatuhan anda terhadap kenyataan di atas dan dasar anti-rasuah dan korupsi yang ditetapkan di dalam Polisi ABC IMUH.

Nama : _____

Nombor Kakitangan : _____ *(untuk Kakitangan sahaja)*

Tandatangan : _____

Tarikh : _____